

SWN tingkat perkhidmatan 5G

Raja Noraina Raja Rahim
noraina@hmetro.com.my



BRETT Haan pada sesi penerangan kepada media mengenai Polisi dan Strategi 5G. FOTO Fathil Asri.

Kuala Lumpur: Pemilihan Rangkaian Pemborong Tunggal (SWN) dilihat sebagai langkah tepat untuk meningkatkan infrastruktur dan perkhidmatan 5G di Malaysia, kata penasihat bebas Brett Haan.

Beliau berkata, penggunaannya sejajar dengan aspirasi kerajaan Malaysia untuk menjadi peneraju dalam ekonomi digital.

Selain penyertaan daripada pengendali rangkaian mudah alih (MNO), katanya, model SWN akan mendorong persaingan sektor perkhidmatan.

"Pemilihan SWN turut diyakini dapat menarik lebih ramai pemegang kepentingan untuk mendorong persaingan sektor perkhidmatan.

"Namun, apa yang lebih penting sekarang ini adalah pelaksanaan dasar di bawah SWN.

"Kerajaan perlu mewujudkan keyakinan untuk bekerjasama dengan semua pengendali MNO dan pihak berkepentingan lain seperti syarikat besar dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO), sekali gus rakyat akan melihat manfaat model ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada sesi taklimat media mengenai dasar dan strategi 5G untuk penggunaan yang pantas di sini, hari ini.

Justeru, Brett berkata, SWN atau model bukan lelong adalah penyelesaian inovatif yang amat baik.

Sebelum ini, media melaporkan kerajaan memutuskan untuk menggunakan pelaksanaan SWN untuk pelancaran 5G di negara ini, seperti yang dirancang.

Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tan Sri Annuar Musa dilaporkan berkata, kerajaan memberi mandat kepada Digital Nasional Berhad (DNB), sebuah syarikat milik kerajaan di bawah Kementerian Kewangan untuk penempatan itu, di bawah pendekatan model SWN.

Ketika ini, hanya Telekom Malaysia (TM) dan YTL Communications Sdn Bhd (YES) mendaftar untuk rangkaian 5G dan perjanjian perkhidmatan pajakan gentian DNB untuk mempercepatkan penggunaan di seluruh negara.

Annuar turut dilaporkan berkata, memandangkan beberapa syarikat telekomunikasi lain masih belum memeterai perjanjian dengan DNB sebagai penyedia perkhidmatan, ia mungkin melambatkan proses pelancaran.